

CNS6016

R GB 29-10 00154 BH721

aab

MAHATHIR: TAK ADA SEBAB UNTUK ROMBAK KABINET

Mahathir' - Kabinet

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tiada sebab untuknya membuat rombakan Kabinet kerana menteri-menteri menjalankan tugas dengan baik.

+Saya tak nampak sebab untuk membuat rombakan melainkan kalau dia oranglah nak rombak sendiri,+ katanya, ketika diminta mengulas mengenai spekulasi itu pada persidangan akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang dekat sini.

Datuk Ssri Dr Mahathir pulang daripada menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Harare, Zimbabwe dan lawatan rasmi ke Tanzania dengan diiringi oleh Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali.

Beberapa menteri, timbalan menteri dan pegawai kanan kerajaan menyambut kepulangan mereka.

Mengenai CHOGM kali ini, Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat Malaysia telah berjaya mengemukakan pandangan mengenai perkara seperti aliran baru yang dianjurkan oleh negara-negara Barat. -- lagi

♥29/10/22-22MST

CNS6017

R GB 29-10 00133 BH722

aab

Mahathir - Kabinet (akhir) 2 Kuala Lumpur

Katanya, Malaysia menyuarakan kebimbangan mengenai tindak-tanduk negara-negara Bar-at untuk menjadi hakim terhadap perkara-perkara seperti demokrasi, hak asasi dan alam sekitar.

Beliau berkata walaupun negara-negara yang merdeka sepatutnya bebas mentadbirkan negara tetapi berlaku penindasan dan pencabulan hak-hak tersebut oleh campurtangan negara Barat.

Katanya, Malaysia khuatir sekiranya nsgara-negara Barat dibenarkan menentukan alit-an di dunia, mereka akan mengambil tindakan sswenang-wenangnya terhadap nsgara-nsgara kecil disebabkan tidak puas hati.

Katanya, soal demokrasi, hak asasi dan alam sekitar tidak sepatutnya ditentukan oleh negara-negara Barat tetapi dibuat oleh badan berkecuali seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

+Jika keputusan dibuat oleh badan ini bahawa ada pencabulan hak asasi manusia yang serius, penindasan terhadap rakyat dan sebagainya barulah tindakan boleh diambil,+ katanya. -- Bernama

♥29/10/22-23MST